

SIARAN MEDIA
Untuk Siaran Segera
7 Mei 2026

SD Guthrie Catat Untung Bersih RM560 Juta, Permulaan Kukuh Bagi Tahun Kewangan 2026

Poportfolio pelbagai mengekalkan kestabilan pendapatan

Petaling Jaya, 7 Mei 2026 – SD Guthrie Berhad (Guthrie atau Kumpulan) mencatat keuntungan bersih sebanyak RM560 juta di atas keuntungan sebelum faedah dan cukai (PBIT) sebanyak RM807 juta pada suku pertama tahun kewangan yang berakhir pada 31 Disember 2026 (1Q FY2026).

Prestasi keseluruhan Kumpulan disokong oleh sumbangan yang lebih kukuh daripada pelbagai segmen perniagaannya. Segmen Hulu Kumpulan mencatat PBIT sebanyak RM529 juta walaupun terjejas dengan harga minyak sawit mentah (MSM) dan isirung sawit (PK) direalisasikan yang menurun sebanyak 10% dan 8% berbanding suku tahun yang sama sebelumnya.

Segmen Hiliran Kumpulan, SD Guthrie International (SDGI), memulakan tahun kewangan dengan prestasi yang kukuh dengan mencatat peningkatan PBIT dari tahun ke tahun (YoY) sebanyak 43% berjumlah RM109 juta. Prestasi yang memberangsangkan ini disokong oleh jumlah jualan yang lebih tinggi serta pemulihan margin yang positif untuk operasinya di Asia Pasifik dan Eropah, di samping sumbangan yang lebih kukuh daripada syarikat-syarikat usaha sama.

Segmen Pembangunan Perindustrian mencatat PBIT sebanyak RM160 juta bagi 1Q FY2026, hasil penjualan tanah secara langsung kepada pihak ketiga.

Sorotan Utama

| | 1Q FY2026 | 1Q FY2025 | YoY +/(%) |
|--|------------------|------------------|----------------------|
| Hasil (RM juta) | 4,690 | 4,817 | (3)% |
| PBIT (RM juta) | 807 | 818 | (1)% |
| Untung Bersih (RM juta) | 560 | 567 | (1)% |
| Harga MSM Direalisasikan (RM/ MT) | 4,115 | 4,576 | (10)% |
| Harga PK Direalisasikan (RM/ MT) | 3,073 | 3,342 | (8)% |
| Pengeluaran FFB (juta MT) | 1.91 | 2.01 | (5)% |
| Kadar Perahan Minyak (OER) (%) | 21.38 | 21.17 | 0.21 |

Pengerusi, Tan Sri Dr Nik Norzrul Thani Nik Hassan Thani berkata:

“Portfolio perniagaan Guthrie yang pelbagai memberikan prestasi berdaya tahan untuk kami mencatatkan permulaan tahun kewangan yang baik, walaupun dalam keadaan konflik Timur Tengah yang berterusan. Barisan kepimpinan baharu Kumpulan ini juga menawarkan kestabilan kepada kami untuk menghadapi cabaran persekitaran makroekonomi semasa dan akan terus membawa momentum baharu dalam memacu aspirasi pertumbuhan Kumpulan ini.”

Pengarah Urusan Kumpulan, Mohd Haris Mohd Arshad berkata:

“Guthrie mencatat keuntungan bersih yang memberangsangkan bagi suku pertama dan akan terus berusaha meningkatkan keuntungan portfolio perniagaan kami yang pelbagai untuk tahun ini. Walaupun keadaan pasaran masih tidak menentu, seluruh warga kerja kami akan memberi tumpuan kepada faktor-faktor dalam kawalan seperti produktiviti, kualiti dan kos, untuk mengekal serta membina pencapaian yang kukuh seperti tahun lalu.

Walaupun Guthrie terus berwaspada dengan persekitaran operasi semasa yang mencabar, kami berada dalam kedudukan yang baik untuk melangkah ke hadapan dengan yakin, dan akan terus memanfaatkan prestasi kewangan semasa yang kukuh serta strategi dan pelaksanaan yang berkesan.”

PROSPEK FY2026:

Harga MSM semasa dijangka terus disokong dalam tempoh terdekat, didorong risiko bekalan berkaitan cuaca serta konflik di Timur Tengah. Penutupan Selat Hormuz telah mengganggu rantai bekalan global, menyebabkan peningkatan harga tenaga dan bahan api yang memberi kesan kepada kos-kos langsung dan tidak langsung, termasuklah logistik, baja dan tenaga. Peluasan mandat biodiesel serantau dijangka memberi sokongan struktur kepada harga MSM dalam tempoh terdekat. Walau bagaimanapun, tahap persiapan pelaksanaan untuk menyokong mandat tersebut masih belum dapat dipastikan.

Guthrie akan terus memberi tumpuan kepada disiplin operasi bagi perladangan huluannya, dengan mengutamakan pengoptimuman hasil dan pengurusan kos bagi menghadapi ketidakpastian jangka pendek. Segmen Hiliran akan terus memberi fokus kepada perlindungan margin, dengan memanfaatkan rantai nilai bersepadu dan kepelbagaian lokasi perniagaan bagi menghadapi perubahan corak permintaan di pasaran-pasaran utama. Pada masa yang sama, segmen Pembangunan Perindustrian dan Tenaga Boleh Diperbaharui dijangka menyokong daya tahan pendapatan untuk jangka panjang serta inisiatif Kumpulan dalam mempelbagaikan perniagaan.

Kumpulan akan terus berhati-hati menghadapi prospek tahun kewangan 2026 dalam keadaan persekitaran operasi yang tidak menentu dan sensitif terhadap sebarang perubahan dasar.

Untuk maklumat lebih lanjut, sila lawati www.sdguthrie.com.

Mengenai SD Guthrie Berhad

SD Guthrie Berhad (Guthrie) ialah syarikat global terkemuka dan bertanggungjawab dalam sektor pengeluaran Minyak Sawit Disahkan Mampan (CSPO). Dengan tenaga kerja hampir 83,000 orang, kami memenuhi keperluan pengguna dan pelbagai jenama makanan di 86 buah negara. Minyak sawit yang kami hasilkan adalah bebas daripada penebangan hutan dan boleh dikesan sumber asalnya.

Dengan sejarah penubuhan melangkaui 200 tahun, kami kini merupakan peneraju inovasi yang membangunkan generasi baharu robotik serta penyelesaian berasaskan teknologi bagi sektor minyak sawit dan perniagaan tani. Kami turut memenuhi permintaan bagi tenaga boleh diperbaharu melalui pembangunan projek solar dan taman

perindustrian berprestasi tinggi, sambil memanfaatkan kepimpinan kami dalam kelestarian untuk membina lebih banyak kejayaan serta perniagaan yang siap siaga menghadapi masa depan.

Kelestarian adalah teras kepada segala yang kami lakukan. Sebagai syarikat minyak sawit pertama dunia dengan sasaran pengurangan gas rumah hijau bersih-sifar yang diluluskan oleh Science Based Targets initiative (SBTi), kami melangkaui dan meningkatkan penanda aras sedia ada melalui rangka kerja kelestarian "Beyond Zero", demi memacu perubahan yang bermakna dalam sektor industri kami.

Guthrie mengendalikan 232 ladang sawit di Malaysia, Indonesia, Papua New Guinea, dan Kepulauan Solomon, yang disokong oleh 10 kilang penapisan dengan jumlah kapasiti tahunan sebanyak empat juta tan metrik. Kami menghasilkan 12% daripada jumlah keseluruhan CSPO di dunia. Kami juga menghasilkan dan menjual pelbagai derivatif minyak sawit seperti oleokimia, biodiesel, dan nutraseutikal, serta giat membangun dan mengkomersialkan benih sawit berprestasi tinggi dan lebih berdaya tahan terhadap cabaran perubahan iklim.

Disenaraikan di Bursa Malaysia (KLSE: SDG) dengan modal pasaran sebanyak RM42.32 billion (USD10.82 billion) setakat 6 May 2026, Guthrie adalah salah satu syarikat strategik milik Permodalan Nasional Berhad, syarikat amanah saham terbesar di Malaysia dan pemegang saham utama kami. Kami turut disokong oleh beberapa institusi pelaburan besar yang lain seperti Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) dan Kumpulan Wang Persaraan (Diperbadankan) (KWAP).

Untuk maklumat lanjut, sila layari www.sdguthrie.com.

Atau Hubungi:

- **Michael Murty, Komunikasi Strategik**
Tel: +6016-326 8373 | E-mail: michael.murty@sdguthrie.com
- **Azneal Azam, Komunikasi Strategik**
Tel: +6016-337 6160 | E-mail: azneal.azam@sdguthrie.com